



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 47
No. 22

30hb Oktober 2003

*TAMBAHAN No. 107
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 400.

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

**PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG
(KAWALAN DAN PELESENAN) 2003**

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERMOHONAN BAGI LESEN DAN PERMIT IKLAN

3. Permohonan bagi lesen
4. Akuan berkanun

Peraturan

5. Pembaharuan lesen
6. Iklan
7. Pembaharuan permit iklan
8. Butir-butir dalam iklan
9. Iklan tidak boleh mengandungi perihalan tertentu

BAHAGIAN III

PERJANJIAN PEMBERIAN PINJAMAN WANG

10. Perjanjian pemberian pinjaman wang
11. Pendaftar boleh mengetepi, mengubah suai, dsb., perjanjian
12. Terma atau syarat hendaklah sama dengan iklan

BAHAGIAN IV

RAYUAN

13. Cara rayuan
14. Keputusan Menteri

BAHAGIAN V

PELBAGAI

15. Transaksi pemberian pinjaman wang dibuat di alamat berdaftar
16. Pemberi pinjam wang hendaklah menghantar penyata
17. Penalti bagi kesalahan yang penaltinya tidak diperuntukkan
18. Anggapan
19. Carian dokumen
20. Hadiah bagi pemberi maklumat
21. Pembatalan dan kecualian

JADUAL

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 29H Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 November 2003.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“filem” termasuklah—

- (a) filem sinematografi;
- (b) pita video;
- (c) cakera padat;
- (d) cakera padat-video (CD-V);
- (e) cakera serba guna digital (DVD); dan
- (f) suatu rekod, tidak kira bagaimana sekalipun dibuat, bagi suatu urutan imej gambar tampak, yang merupakan suatu rekod yang dapat digunakan sebagai suatu cara untuk menunjukkan urutan itu sebagai suatu gambar bergerak;

“iklan” ertinya apa-apa pemberitahuan atau pemakluman mengenai pemberian pinjaman wang yang—

- (a) disiarkan dalam mana-mana akhbar, jurnal atau majalah, atau dalam bentuk brosur atau apa-apa bentuk lain;
- (b) dipamerkan pada mana-mana papan dendeng, papan, bumbung, tembok, paling, pagar, bingkai, papan tanda, plat, kain, palang, pilar, tiang, tuangan dawai atau binaan, struktur atau alat lain;
- (c) disampaikan melalui filem atau komunikasi; atau
- (d) disampaikan melalui cara lain sama ada lisan atau tulisan dan sama ada daripada jenis yang sama atau tidak sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (c);

“komunikasi” ertinya apa-apa komunikasi, sama ada antara orang dengan orang, benda dengan benda, atau orang dengan benda, dalam bentuk bunyi, data, teks, imej gambar tampak, isyarat atau apa-apa bentuk lain atau gabungan mana-mana bentuk tadi, dan termasuklah Internet;

“lesen” ertinya lesen pemberi pinjam wang yang dikeluarkan di bawah peraturan 3;

“perayu” ertinya orang yang berhasrat untuk merayu terhadap—

(a) keengganan oleh Pendaftar—

- (i) untuk memberikan suatu lesen;
- (ii) untuk memperbaharui suatu lesen;
- (iii) untuk memberikan suatu permit iklan; atau
- (iv) untuk memperbaharui suatu permit iklan; atau

(b) penetapan apa-apa syarat oleh Pendaftar—

- (i) dalam lesen;
- (ii) dalam pembaharuan suatu lesen pemberi pinjam wang;
- (iii) dalam permit iklan; atau
- (iv) dalam pembaharuan suatu permit iklan,

kepada Menteri.

BAHAGIAN II

PERMOHONAN BAGI LESEN DAN PERMIT IKLAN

Permohonan bagi lesen

3. (1) Seseorang pemohon lesen di bawah seksyen 5A Akta hendaklah—

- (a) mengemukakan permohonannya dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual A berserta dengan apa-apa dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual; dan
- (b) membekalkan apa-apa butir atau maklumat lain yang berkaitan yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(2) Apa-apa pernyataan yang mengelirukan, representasi atau perihal palsu mengenai butir-butir atau maklumat yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) adalah suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Pendaftar boleh memberikan sesuatu lesen dengan menetapkan atau tidak menetapkan apa-apa syarat atau syarat-syarat ke atasnya atau enggan memberikan sesuatu lesen.

(4) Fi yang kena dibayar bagi sesuatu lesen adalah dua ribu ringgit bagi suatu tempoh selama dua tahun atau sebahagian dari tempoh itu dan hendaklah dibayar sewajarnya oleh pemohon sebelum lesen itu dikeluarkan.

(5) Sesuatu lesen adalah dikehendaki berkenaan dengan setiap premis yang perniagaan itu dijalankan.

(6) Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual B.

Akuan berkanun

4. (1) Pendaftar hendaklah, sebelum mengeluarkan sesuatu lesen, menghendaki pemohon untuk mengemukakan suatu akuan berkanun seperti yang dinyatakan dalam Jadual C.

(2) Sebagai tambahan kepada subperaturan (1), Pendaftar boleh, sebelum mengeluarkan sesuatu lesen, menghendaki pemohon untuk mengemukakan suatu surat yang ditandatangani oleh seorang pegawai polis berpangkat Penolong Penguasa atau ke atas atau oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis di tempat pemohon tinggal, memperakukan bahawa—

- (a) pemohon, jika pemohon adalah seorang individu;
- (b) kesemua rakan kongsi, jika pemohon adalah sebuah firma;
- (c) kesemua pemegang jawatan, jika pemohon adalah sebuah pertubuhan atau suatu kumpulan orang; atau
- (d) kesemua lembaga pengarah, jika pemohon adalah sebuah syarikat,

adalah orang yang sesuai untuk dilesenkan sebagai pemberi pinjam wang.

(3) Apa-apa pernyataan yang mengelirukan, representasi atau perihal palsu mengenai butir-butir atau maklumat yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) adalah suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Pembaharuan lesen

5. (1) Suatu permohonan bagi pembaharuan lesen hendaklah dibuat oleh seseorang pemberi pinjam wang berlesen tidak lewat dari enam puluh hari sebelum tarikh tamat tempohnya dan hendaklah—

- (a) dikemukakan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual D;
- (b) memberikan butir-butir mengenai apa-apa perubahan pada syarikatnya; dan
- (c) membekalkan apa-apa butir atau maklumat lain yang berkaitan yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh memberikan pembaharuan lesen dengan menetapkan atau tidak menetapkan apa-apa syarat atau syarat-syarat ke atasnya atau enggan memberikan pembaharuan lesen.

(3) Fi yang kena dibayar bagi pembaharuan sesuatu lesen adalah dua ribu ringgit bagi suatu tempoh selama dua tahun atau sebahagian dari tempoh itu dan hendaklah dibayar sewajarnya oleh pemohon sebelum lesen yang diperbaharui itu dikeluarkan.

(4) Apa-apa pernyataan yang mengelirukan, representasi atau perihal palsu mengenai butir-butir atau maklumat yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) adalah suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(5) Sesuatu lesen yang diperbaharui di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual E.

Iklan

6. (1) Tiada iklan boleh dibuat oleh mana-mana pemberi pinjam wang kecuali dengan kelulusan Pendaftar.

(2) Apa-apa iklan hendaklah mengikut iklan seperti yang diluluskan oleh Pendaftar.

(3) Seseorang pemohon bagi permit iklan hendaklah—

(a) mengemukakan permohonannya dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual F berserta dengan apa-apa dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual; dan

(b) membekalkan apa-apa butir atau maklumat lain yang berkaitan yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(4) Apa-apa pernyataan yang mengelirukan, representasi atau perihal palsu mengenai butir-butir atau maklumat yang dikehendaki di bawah subperaturan (3) adalah suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(5) Pendaftar boleh meluluskan permohonan bagi permit iklan dengan menetapkan atau tanpa menetapkan apa-apa syarat atau syarat-syarat ke atas permit itu atau enggan meluluskan permohonan itu.

(6) Mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa syarat yang ditetapkan dalam mana-mana permit iklan melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(7) Fi yang kena dibayar bagi kelulusan sesuatu permit iklan adalah dua ratus ringgit bagi suatu tempoh selama dua tahun atau sebahagian dari tempoh itu dan hendaklah dibayar sewajarnya oleh pemohon sebelum permit itu dikeluarkan.

(8) Sesuatu permit iklan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual G.

(9) Tempoh kesahan sesuatu permit iklan yang diluluskan tidak boleh melebihi tempoh kesahan sesuatu lesen.

(10) Tiada pertukaran, pindaan atau ubah suaian kepada permit iklan boleh dibuat kecuali dengan kelulusan Pendaftar dan tertakluk kepada bayaran sebanyak seratus ringgit.

(11) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (10) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Pembaharuan permit iklan

7. (1) Suatu permohonan bagi pembaharuan permit iklan hendaklah dibuat tidak lewat dari enam puluh hari sebelum tarikh tamat tempohnya dan hendaklah—

- (a) dikemukakan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual H berserta dengan apa-apa dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual; dan
- (b) membekalkan apa-apa butir atau maklumat lain yang berkaitan yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(2) Apa-apa pernyataan yang mengelirukan, representasi atau perihal palsu mengenai butir-butir atau maklumat yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) adalah suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Pendaftar boleh meluluskan permohonan bagi pembaharuan sesuatu permit iklan dengan menetapkan atau tanpa menetapkan apa-apa syarat atau syarat-syarat ke atasnya atau enggan meluluskan permohonan itu.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan dalam mana-mana permit iklan yang diperbaharui melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(5) Fi yang kena dibayar bagi pembaharuan sesuatu permit iklan adalah dua ratus ringgit bagi suatu tempoh selama dua tahun atau sebahagian dari tempoh itu dan hendaklah dibayar sewajarnya oleh pemohon sebelum permit yang diperbaharui itu dikeluarkan.

(6) Tempoh kesahan sesuatu permit iklan yang diperbaharui tidak boleh melebihi tempoh kesahan sesuatu lesen.

(7) Sesuatu permit iklan yang diperbaharui di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual I.

Butir-butir dalam iklan

8. (1) Apa-apa iklan yang dibuat oleh mana-mana pemberi pinjam wang hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nombor lesen pemberi pinjam wang dan tarikh kesahannya;
- (b) nombor permit iklan;
- (c) nama, alamat dan nombor telefon pemberi pinjam wang berlesen; dan
- (d) kadar faedah yang ditawarkan.

(2) Jika seseorang pemberi pinjam wang berlesen mengeluarkan suatu brosur berkenaan dengan perniagaan pemberian pinjaman wangnya, brosur itu hendaklah diberikan kepada setiap peminjam secara percuma.

Iklan tidak boleh mengandungi perihalan tertentu

9. (1) Apa-apa nama dalam apa-apa bahasa yang dengannya mana-mana perniagaan pemberian pinjaman wang dicadangkan hendak dinamakan atau apa-apa lambang yang digunakan berhubungan dengannya tidak boleh mengandungi apa-apa jua yang menyaranakan atau dikira akan menyaranakan—

- (a) naungan Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana anggota keluarga Baginda;
- (b) naungan Ketua Negeri bagi mana-mana Negeri dalam Malaysia atau mana-mana anggota keluarganya;
- (c) apa-apa perhubungan dengan—
 - (i) Kerajaan Persekutuan;
 - (ii) Kerajaan mana-mana Negeri dalam Malaysia;
 - (iii) mana-mana Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah;
 - (iv) mana-mana pertubuhan atau badan yang ditubuhkan dan diperbadankan oleh statut;
 - (v) mana-mana bangunan awam; atau
 - (vi) mana-mana tempat awam.

(2) Peraturan ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak menjejaskan peruntukan Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 [*Akta 414*].

BAHAGIAN III

PERJANJIAN PEMBERIAN PINJAMAN WANG

Perjanjian pemberian pinjaman wang

10. (1) Tiap-tiap perjanjian bagi transaksi pemberian pinjaman wang tanpa cagaran hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual J dan jika perjanjian bagi transaksi pemberian pinjaman wang dengan cagaran hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual K dan mana-mana pemberi pinjam wang yang melaksanakan perjanjian pemberian pinjaman wang selain mana-mana Jadual melakukan suatu kesalahan di bawah Akta dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda dan pemenjaraan seperti yang dinyatakan di bawah subseksyen 10P(2) Akta.

(2) Mana-mana penepian, ubah suaian, pertukaran, pengubahan, perubahan, tambahan atau tinggalan mana-mana peruntukan dalam Jadual J atau K tanpa persetujuan terlebih dahulu Pendaftar hendaklah menjadikan perjanjian itu sebagai tidak sah dan tidak mempunyai kesan dan tidak boleh dikuatkuasakan.

(3) Seseorang peminjam adalah berhak, daripada pemberi pinjam, kepada suatu set lengkap perjanjian pemberian pinjaman wang secara percuma termasuk semua lampiran, jika ada, bagi pemberi pinjam wang untuk melaksanakan perjanjian itu dengan peminjam.

(4) Tiada seorang pun pemberi pinjam wang boleh memungut apa-apa bayaran walau apa pun namanya kecuali seperti yang ditetapkan dalam perjanjian pemberian pinjaman wang.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (4) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Pendaftar boleh mengetepi, mengubah suai, dsb., perjanjian

11. Walau apa pun peraturan 10, jika Pendaftar berpuas hati bahawa oleh sebab hal keadaan yang khas atau kesusahan atau keperluan mana-mana peruntukan dalam perjanjian pemberian pinjaman wang tidak boleh atau tidak perlu dipatuhi, dia boleh, melalui surat secara bertulis, mengetepikan, mengubah suai, menukar, mengubah, merubah, menambah atau meninggalkan peruntukan berkenaan.

Terma atau syarat hendaklah sama dengan iklan

12. Jika sesuatu terma atau syarat dalam sesuatu perjanjian pemberian pinjaman wang tidak sama dengan butir-butir dalam iklan yang diiklankan oleh pemberi pinjam wang, maka terma atau syarat itu hendaklah, setakat ketaksamaan itu, disifatkan sebagai tidak sah.

BAHAGIAN IV

RAYUAN

Cara rayuan

13. (1) Seseorang perayu yang terkilang oleh keputusan Pendaftar di bawah subperaturan 3(3), 5(2), 6(5) atau 7(3) boleh, dalam masa empat belas hari selepas dimaklumkan mengenai keputusan Pendaftar itu, merayu secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Menteri; dan keputusan Menteri yang dibuat ke atas rayuan itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(2) Rayuan hendaklah dalam bahasa kebangsaan, dan boleh disertakan dengan terjemahannya dalam bahasa Inggeris.

(3) Perayu hendaklah menyatakan alasan rayuannya.

(4) Perayu hendaklah pada masa yang sama menyampaikan sesalinan rayuan itu kepada Pendaftar.

(5) Pendaftar hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian rayuan itu kepadanya, mengemukakan alasannya bagi keputusan itu kepada Menteri.

Keputusan Menteri

14. (1) Apabila Menteri telah membuat sesuatu keputusan mengenai sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah dalam masa tujuh hari dari tarikh Pendaftar dimaklumkan mengenai keputusan itu, memaklumkan perayu mengenai keputusan itu.

(2) Jika sesuatu keputusan mengenai pemberian atau pembaharuan sesuatu lesen atau pemberian sesuatu iklan dibuat memihak kepada perayu, Pendaftar hendaklah mengeluarkan atau memperbaharui lesen atau mengeluarkan permit iklan, mengikut mana-mana yang berkenaan, atas bayaran fi yang ditetapkan oleh perayu.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

Transaksi pemberian pinjaman wang dibuat di alamat berdaftar

15. (1) Tiap-tiap transaksi pemberian pinjaman wang hendaklah dibuat oleh pemberi pinjam wang dan peminjam di alamat berdaftar pemberi pinjam wang itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Pemberi pinjam wang hendaklah menghantar penyata

16. (1) Pemberi pinjam wang hendaklah, tidak lewat dari hari pertama bulan Februari setiap tahun, menghantar kepada Pendaftar suatu penyata dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa maklumat yang ditentukan oleh Pendaftar dari semasa ke semasa.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Penalti bagi kesalahan yang penaltinya tidak diperuntukkan

17. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih dari dua belas bulan atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana syarat dalam sesuatu lesen melakukan suatu kesalahan di bawah Akta dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda dan pemenjaraan seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 5D Akta.

(3) Mana-mana orang yang dengan disedarinya atau dengan sengaja membantu, bersubahat, menasihati, memujuk atau mengarahkan pelakuan suatu kesalahan terhadap apa-apa peruntukan Peraturan-Peraturan ini boleh dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu walaupun pesalah utama bagi kesalahan itu tidak disabitkan bagi kesalahan itu.

(4) Sesiapa jua yang cuba untuk melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh Peraturan-Peraturan ini dengan hukuman pemenjaraan atau denda atau gabungan kedua-dua hukuman itu, atau cuba untuk menyebabkan kesalahan itu dilakukan, dan dalam percubaan itu melakukan apa-apa perbuatan ke arah pelakuan kesalahan itu hendaklah, bagi hukuman kesalahan percubaan itu, dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(5) Walau apa pun subperaturan (4), mana-mana tempoh pemenjaraan yang dikenakan hendaklah tidak melebihi separuh daripada tempoh paling panjang yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Anggapan

18. Mana-mana orang yang nama atau butir-butirnya terdapat dalam mana-mana iklan pemberian pinjaman wang hendaklah, sehingga dibuktikan selainnya, dianggap sebagai orang yang bertanggungjawab bagi iklan itu.

Carian dokumen

19. Mana-mana orang adalah, atas bayaran fi kepada Pendaftar sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual L, berhak semasa waktu pejabat untuk mencari, memeriksa dan mendapatkan salinan mana-mana dokumen yang ditetapkan dalam Jadual itu.

Hadiah bagi pemberi maklumat

20. (1) Pendaftar boleh menghadiahkan apa-apa jumlah wang kepada mana-mana pemberi maklumat yang maklumatnya telah menyebabkan suatu sabitan mana-mana kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Hadiah yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan.

Pembatalan dan kecualian

21. (1) Bagi maksud Peraturan ini, “tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa.

(2) Kaedah-Kaedah Pemberipinjam Wang 1952 [*L.N. 80/1952*] dan Kaedah-Kaedah Pemberipinjam Wang (Cara Rayuan) 2001 [*P.U. (A) 254/2001*], yang selepas ini disebut sebagai “Kaedah-Kaedah yang dibatalkan”, dibatalkan.

(3) Jika apa-apa rayuan telah difailkan oleh seseorang perayu sebelum tarikh yang ditetapkan, maka peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah yang dibatalkan hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah Kaedah-Kaedah yang dibatalkan itu tidak pernah dibatalkan itu oleh Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL A

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) 2003

(Perenggan 3(1)(a))

PERMOHONAN BAGI LESEN PEMBERI PINJAM WANG

Kepada,

Pendaftar Pemberi Pinjam Wang,

*Saya/Kami, yang bertandatangan di bawah ini dengan ini memohon suatu lesen pemberi pinjam wang mengikut peruntukan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 dan bagi maksud mematuhi peruntukan itu, *saya/kami mengemukakan butir-butir yang berikut:

1. (a) Jika pemohon adalah seorang individu:
 - (i) suatu salinan yang diperakui kad pengenalan;
 - (ii) suatu salinan yang diperakui Borang J (borang cukai pendapatan) bagi tempoh dua tahun yang lalu dan suatu salinan yang diperakui penyata akaun bank;
 - (iii) suatu salinan akuan berkanun seperti yang dinyatakan dalam Jadual C; dan
 - (iv) suatu salinan yang diperakui surat daripada pegawai polis seperti yang dikehendaki di bawah subperaturan 4(2).
- (b) Jika pemohon adalah sebuah firma, pertubuhan, kumpulan orang atau syarikat:
 - (i) suatu salinan yang diperakui kad pengenalan bagi setiap pekongsi, pemegang jawatan atau lembaga pengarah;
 - (ii) suatu salinan yang diperakui akaun beraudit atau akaun pengurusan yang terkini;
 - (iii) suatu salinan akuan berkanun bagi setiap pekongsi, pemegang jawatan atau lembaga pengarah seperti yang dinyatakan dalam Jadual C;
 - (iv) suatu salinan yang diperakui butir-butir dalam Borang 13 (jika ada), 24, 49 dan borang keuntungan tahunan terkini di bawah Akta Syarikat 1965 (bagi syarikat sahaja); dan
 - (v) suatu salinan yang diperakui surat daripada pegawai polis seperti yang dikehendaki di bawah subperaturan 4(2).
2. *Saya/Kami (jika pemohon bukan seorang individu) mengemukakan juga dokumen-dokumen yang berikut yang diperakukan dengan sewajarnya:
 - (a) syarikat berhad - suatu salinan Memorandum Pertubuhan dan Artikel Pertubuhan;
 - (b) firma - suatu salinan sijil pendaftaran perniagaan dan suatu salinan perjanjian perkongsian;
 - (c) pertubuhan - suatu salinan kaedah-kaedah atau undang-undang kecil; dan
 - (d) kumpulan orang - suatu salinan perjanjian di antara atau di kalangan orang-orang yang membentuk kumpulan.

3. Butir-butir Pemberi Pinjam Wang—

- (a) Nama sebenar pemohon (nama firma, pertubuhan, kumpulan orang atau syarikat)
-
-
- (b) No K.P./No. pendaftaran syarikat atau pertubuhan.....
- (c) Alamat persendirian pemohon (alamat berdaftar, dalam hal suatu firma, pertubuhan, kumpulan orang, atau syarikat).....
(sila kepilkan perjanjian penyewaan jika premis bukan milik pemohon)
- (d) No. telefon.....
- (e) Taraf organisasi (misalnya syarikat berhad, perkongsian dsb.).....
-
- (f) Alamat yang diingini untuk menjalankan perniagaan (jika ia berbeza daripada alamat dalam (c)).....
-
-

4. Butir-butir pemegang jawatan dalam organisasi—

| <i>Nama Penuh</i> | <i>Jawatan</i> | <i>No. K.P.</i> | <i>Kerakyatan</i> | <i>Pekerjaan</i> | <i>Alamat</i> |
|-------------------|----------------|-----------------|-------------------|------------------|---------------|
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |

(Dalam hal—

- (i) Syarikat berhad - Lembaga Pengarah
- (ii) Firma - Pemilik atau Pekongsi
- (iii) Pertubuhan atau kumpulan orang - pemegang jawatan)

5. Butir-butir modal—

(Bagi syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sahaja)

| | | |
|-------------------|-------|-----------|
| Modal Dibenarkan: | | |
| Modal Terbitan: | | |
| Modal Berbayar: | Tunai | Selainnya |
| | | |

6. Sumber kumpulan wang (sila nyatakan):.....

| <i>Senarai sumber</i> | <i>Jumlah</i> |
|---------------------------|---------------|
| Bank/Institusi kewangan | |
| Simpanan | |
| Pinjaman (daripada siapa) | |
| Lain-lain (sila nyatakan) | |

*Saya/Kami dengan ini mengaku sepanjang pengetahuan *saya/kami bahawa butir-butir di atas adalah benar. *Saya/Kami faham bahawa apa-apa pernyataan keliru, representasi atau perihal palsu butir-butir di atas adalah suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003.

Tarikh:.....

.....
(Tandatangan Pemohon#)

.....
(Nama)

.....
(No. K.P.)

.....
(Jawatan)

.....
(Meterai am syarikat, jika berkenaan)

| Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja | | | |
|---|-----------|--------------|---------------|
| | <i>Ya</i> | <i>Tidak</i> | <i>Ulasan</i> |
| 1. suatu salinan yang diperakui kad pengenalan bagi pemohon, atau sesalinan sah kad pengenalan bagi setiap pekongsi, pemegang jawatan atau lembaga pengarah | | | |
| 2. suatu salinan yang diperakui akaun atau akaun pengurusan beraudit terkini | | | |
| 3. suatu salinan yang diperakui Borang J bagi tempoh dua tahun yang lalu dan sesalinan sah penyata akaun bank | | | |

| | <i>Ya</i> | <i>Tidak</i> | <i>Ulasan</i> |
|--|-----------|--------------|---------------|
| 4. suatu salinan akuan berkanun seperti yang dinyatakan dalam Jadual C | | | |
| 5. suatu salinan yang diperakui butir-butir dalam Borang 13, 24, 49 di bawah Akta Syarikat 1965 | | | |
| 6. suatu salinan yang diperakui surat daripada pegawai polis | | | |
| 7. suatu salinan Memorandum dan Artikel Pertubuhan atau sijil pendaftaran perniagaan dan suatu salinan perjanjian perkongsian, jika ada, atau suatu salinan kaedah-kaedah atau undang-undang kecil pertubuhan atau suatu salinan perjanjian di antara atau di kalangan orang-orang yang membentuk kumpulan | | | |

Permohonan diperiksa oleh:

.....
Tandatangan/Jawatan

Tarikh.....

.....
(Nama)

.....
(No. K.P.)

Sokongan:.....

.....

.....

.....

.....
Tandatangan/Jawatan

Tarikh.....

.....
(Nama)

.....
(No. K.P.)

Permohonan diluluskan/ditolak.

.....
(Pendaftar Pemberi Pinjam Wang)

Tarikh.....

.....
(Nama)

* Potong yang tidak berkenaan.

Permohonan mestilah dibuat oleh pemohon dalam hal seorang individu, atau mana-mana pekongsi, pemegang jawatan atau lembaga pengarah dalam hal sebuah firma, pertubuhan, kumpulan orang atau syarikat.

JADUAL B

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) 2003

(Subperaturan 3(6))

LESEN PEMBERI PINJAM WANG

Nama Pemberi Pinjam Wang.....

alamat berdaftar
dengan ini diberikan lesen di bawah seksyen 5B Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 untuk menjalankan perniagaan meminjamkan wang di premis yang dinyatakan di bawah:

Alamat perniagaan.....

Tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

| <i>Butir-butir lesen</i> |
|--------------------------|
| No. Lesen: |
| Sah dari: |
| hingga |

.....
Pendaftar Pemberi Pinjam Wang

Tarikh:.....

* Potong yang tidak berkenaan.

JADUAL C

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) 2003

(Subperaturan 4(1))

AKUAN BERKANUN

Saya/Kami *
(nama dalam huruf besar)

KP. No. beralamat
.....
(alamat *perniagaan atau kediaman)

selaku
(jawatan dalam firma, pertubuhan, kumpulan orang atau syarikat)

bagi
(nama firma, pertubuhan, kumpulan orang atau syarikat)

yang mempunyai alamat di
.....
(alamat firma, pertubuhan, kumpulan orang atau syarikat)

dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa—

- (i) saya/kami*, adalah warganegara Malaysia yang cukup umur dan mempunyai keupayaan untuk membuat Akuan Berkanun ini;
- (ii) saya/kami* dengan ini memperakui bahawa Memorandum dan Artikel Pertubuhan bagi syarikat yang dilampirkan bersama-sama Akuan Berkanun ini dan ditandakan sebagai Lampiran 'A' adalah salinan yang sah dan sebenarnya;
- (iii) saya/kami* dengan ini memperakui bahawa akaun pengurusan syarikat yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir(nyatakan haribulan dan tahun) yang dilampirkan bersama-sama Akuan Berkanun ini dan ditandakan sebagai Lampiran 'B' adalah salinan yang sah dan sebenarnya;
- (iv) saya/kami* tidak pernah disabitkan atas sesuatu kesalahan mengenai perkara fraud atau kecurangan, atau apa-apa kesalahan yang berhubungan dengan Bab XVI atau Bab XVII Kanun Kesiksaan atau apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- (v) saya/kami* bukanlah seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (vi) saya/kami* bukanlah pekongsi atau pemegang jawatan bagi firma, pertubuhan, kumpulan orang atau syarikat yang menjalankan perniagaan meminjamkan wang yang telah digulung atau dibubarkan oleh mahkamah;
- (vii) saya/kami* bukanlah orang yang terlibat secara langsung dengan pengurusan firma, pertubuhan, kumpulan orang atau syarikat menjalankan perniagaan meminjamkan wang yang telah digulung atau dibubarkan oleh mahkamah;
- (viii) saya/kami* bukanlah orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan perniagaan meminjamkan wang yang lesennya telah dibatalkan; dan
- (ix) saya/kami* bersetuju untuk mematuhi segala peruntukan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Saya/Kami* membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa butir-butir yang diberikan di atas adalah benar, serta menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya
diakui oleh yang tersebut namanya di atas
.....
di
di Negeri
pada haribulan

.....
*(Tandatangan Hakim
Mahkamah Sesyen,
Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)*

Di hadapan saya,

JADUAL D

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) 2003

(Perenggan 5(1)(a))

PERMOHONAN BAGI PEMBAHARUAN LESEN PEMBERI PINJAM WANG

Kepada,

Pendaftar Pemberi Pinjam Wang,

*Saya/Kami, yang bertandatangan di bawah dengan ini memohon untuk memperbaharui lesen bernombor yang diberikan pada mengikut peruntukan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 dan bagi maksud mematuhi peruntukan itu, *saya/kami mengemukakan butir-butir yang berikut:

1. Butir-butir Pemberi Pinjam Wang—
 - (a) Nama sebenar pemohon (nama firma, pertubuhan, kumpulan orang atau syarikat)
 - (b) No. K.P./No. pendaftaran syarikat atau pertubuhan
 - (c) Alamat persendirian pemohon (alamat berdaftar, dalam hal suatu firma, pertubuhan, kumpulan orang, atau syarikat)
(sila kepilkan perjanjian penyewaan jika premis bukan milik pemohon)
 - (d) No. telefon
 - (e) Taraf organisasi (misalnya syarikat berhad, perkongsian dsb.)
 - (f) No. lesen:
 - (g) Tarikh tamat tempoh lesen:

2. Butir-butir pemegang jawatan dalam organisasi—

| <i>Nama penuh</i> | <i>Jawatan</i> | <i>No. K.P.</i> | <i>Kerakyatan</i> | <i>Pekerjaan</i> | <i>Alamat</i> |
|-------------------|----------------|-----------------|-------------------|------------------|---------------|
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |

(Dalam hal—

- (i) Syarikat berhad - Lembaga Pengarah
- (ii) Firma - Pemilik atau Pekongsi
- (iii) Pertubuhan atau kumpulan orang - pemegang jawatan)

3. Nyatakan status yang berikut—

| | <i>#Ya</i> | <i>Tidak</i> |
|--|------------|--------------|
| (a) perubahan pemegang jawatan atau pekongsi | | |
| (b) perubahan butir-butir modal syarikat | | |
| (c) perubahan butir-butir alamat pemohon | | |

#Jika ya, sila kepilkan butir-butir lanjut.

4. Rekod transaksi semasa lesen terdahulu (sila nyatakan)—

- (a) bilangan perjanjian pemberian pinjaman wang yang ditandatangani;
- (b) jumlah keseluruhan wang yang diberi pinjam; dan
- (c) jumlah amaun yang didapatkan kembali.

*Saya/Kami dengan ini mengaku sepanjang pengetahuan *saya/kami bahawa butir-butir di atas adalah benar. *Saya/Kami faham bahawa apa-apa pernyataan yang mengelirukan, representasi atau perihal palsu butir-butir di atas adalah suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003.

Tarikh:

.....
(Tandatangan Pemohon#)

.....
(Nama)

.....
(No. K.P.)

.....
(Jawatan)

.....
(Meterai am syarikat, jika berkenaan)

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

Permohonan bagi pembaharuan diperiksa oleh:

.....
Tandatangan/Jawatan

Tarikh:

.....
(Nama)

Sokongan:
.....
.....

.....
Tandatangan/Jawatan

Tarikh:

.....
(Nama)

Permohonan bagi pembaharuan diluluskan/ditolak.

.....
(Pendaftar Pemberi Pinjam Wang)

Tarikh:

.....
(Nama)

* Potong yang tidak berkenaan.

Permohonan mestilah dibuat oleh pemohon dalam hal seorang individu, atau mana-mana pekongsi, pemegang jawatan atau lembaga pengarah dalam hal sebuah firma, pertubuhan, kumpulan orang atau syarikat.

JADUAL E

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) 2003

(Subperaturan 5(5))

PEMBAHARUAN LESEN PEMBERI PINJAM WANG

Nama Pemberi Pinjam Wang

alamat berdaftar.....

dengan ini diberikan pembaharuan lesen pemberi pinjam wang di bawah seksyen 5E Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 di premis yang dinyatakan di bawah:

Alamat perniagaan

Tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

| |
|--|
| <i>Butir-butir lesen yang diperbaharui</i> |
| No. pembaharuan lesen: |
| Sah dari: |
| hingga |

.....
Pendaftar Pemberi Pinjam Wang

Tarikh:

* Potong yang tidak berkenaan.

JADUAL F

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) 2003

(Subperaturan 6(3))

PERMOHONAN BAGI PERMIT IKLAN

Kepada,

Pendaftar Pemberi Pinjam Wang,

*Saya/Kami, yang bertandatangan di bawah dengan ini memohon suatu permit iklan mengikut peruntukan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 dan bagi maksud mematuhi peruntukan itu, *saya/kami mengemukakan butir-butir yang berikut:

1. (a) tiga salinan setiap jenis iklan yang dicadangkan dalam bahasa kebangsaan dan bahasa yang dicadangkan jika iklan itu adalah dalam bentuk brosur, akhbar atau laman web;
 - (b) tiga salinan iklan yang dicadangkan dalam bahasa kebangsaan dan bahasa yang dicadangkan jika iklan itu dalam bentuk bunyi atau gambar tampak.
2. Butir-butir Pemberi Pinjam Wang:

- (a) Nama sebenar pemohon (nama firma, pertubuhan, kumpulan orang atau syarikat)
.....
.....
.....
- (b) No. K.P./No. pendaftaran syarikat atau pertubuhan.....
- (c) Alamat persendirian pemohon (alamat berdaftar, dalam hal suatu firma, pertubuhan, kumpulan orang, atau syarikat)
.....
.....
- (d) No. telefon
- (e) Taraf organisasi (misalnya syarikat berhad, perkongsian dsb.)
- (f) No. lesen:
- (g) Tarikh tamat tempoh lesen:

3. Jenis iklan yang dicadangkan
(*Tandakan "X" dalam ruang yang berkenaan):

| <i>Jenis iklan yang dicadangkan</i> | <i>Tandakan "X"</i> |
|-------------------------------------|---------------------|
| Brosur | |
| Akhbar | |
| Papan tanda | |
| Radio | |

| <i>Jenis iklan yang dicadangkan</i> | <i>Tandakan "X"</i> |
|-------------------------------------|---------------------|
| Internet | |
| Televisyen | |
| Cakera padat-video | |
| Panggung wayang | |
| Lain-lain (sila nyatakan) | |

(Nota:

Butir-butir yang berikut mestilah ditunjukkan dalam setiap iklan yang dicadangkan:

- (a) nombor lesen pemberi pinjam wang dan tempoh kesahannya;
- (b) nombor permit iklan dan tempoh kesahannya;
- (c) nama, alamat dan nombor telefon pemberi pinjam wang; dan
- (d) kadar faedah yang ditawarkan.

*Saya/Kami dengan ini mengaku sepanjang pengetahuan *saya/kami bahawa butir-butir di atas adalah benar. *Saya/Kami faham bahawa apa-apa pernyataan yang mengelirukan, representasi atau perihal palsu butir-butir di atas adalah suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003.

Tarikh:

.....

(Tandatangan Pemohon#)

.....
(Nama)

.....
(No. K.P.)

.....
(Jawatan)

.....
(Meterai am syarikat, jika berkenaan)

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

Permohonan bagi permit iklan diperiksa oleh:

.....
Tandatangan/Jawatan

Tarikh:

.....
(Nama)

Sokongan:
.....
.....
.....

.....
Tandatangan/Jawatan

Tarikh:

.....
(Nama)

Permohonan bagi permit iklan diluluskan/ditolak.

.....
(Pendaftar Pemberi Pinjam Wang)

Tarikh:
.....
(Nama)

* Potong yang tidak berkenaan.

Permohonan mestilah dibuat oleh pemohon jika seorang individu, atau mana-mana pekongsi, pemegang jawatan atau lembaga pengarah dalam hal sebuah firma, pertubuhan, kumpulan orang atau syarikat.

JADUAL G

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) 2003

(Subperaturan 6(8))

PERMIT IKLAN

Nama Pemberi Pinjam Wang

alamat berdaftar

dengan ini diberikan permit iklan bagi perniagaan meminjamkan wang di bawah subperaturan 6(8) Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 seperti yang dinyatakan di bawah—

Alamat perniagaan

Tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

| <i>Jenis iklan</i> | <i>Tarikh kelulusan</i> |
|---------------------------|-------------------------|
| Brosur | |
| Akhbar | |
| Papan tanda | |
| Radio | |
| Internet | |
| Televisyen | |
| Cakera padat-video | |
| Panggung wayang | |
| Lain-lain (sila nyatakan) | |

Syarat-syarat lain:

| <i>Butir-butir permit</i> |
|---------------------------|
| No. permit: |
| Sah dari: |
| hingga |

.....
Pendaftar Pemberi Pinjam Wang

Tarikh:

*Potong yang tidak berkenaan.

JADUAL H

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) 2003

(Perenggan 7(1)(a))

PERMOHONAN BAGI PEMBAHARUAN PERMIT IKLAN

Kepada,

Pendaftar Pemberi Pinjam Wang,

*Saya/Kami, yang bertandatangan di bawah dengan ini memohon pembaharuan permit iklan yang diberikan pada mengikut peruntukan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 dan bagi maksud mematuhi peruntukan itu, *saya/kami mengemukakan butir-butir yang berikut:

1. (a) tiga salinan setiap jenis iklan yang dicadangkan dalam bahasa kebangsaan dan bahasa yang dicadangkan jika iklan itu adalah dalam bentuk brosur, akhbar atau laman web;
- (b) tiga salinan iklan yang dicadangkan dalam bahasa kebangsaan dan bahasa yang dicadangkan jika iklan itu dalam bentuk bunyi atau gambar tampak.
2. Butir-butir Pemberi Pinjam Wang:
 - (a) Nama sebenar pemohon (nama firma, pertubuhan, kumpulan orang atau syarikat)
.....
.....
.....
 - (b) No. K.P./No. pendaftaran syarikat atau pertubuhan
 - (c) Alamat persendirian pemohon (alamat berdaftar, dalam hal sebuah firma, pertubuhan, kumpulan orang, atau syarikat)
 -
 -
 - (d) No. telefon
 - (e) Taraf organisasi (misalnya syarikat berhad, perkongsian dsb.)
.....
 - (f) No. lesen:
 - (g) Tarikh tamat tempoh lesen:

3. Jenis iklan yang dicadangkan
 (*Tandakan “X” dalam ruang yang berkenaan):

| <i>Jenis iklan yang dicadangkan</i> | <i>Tandakan “X”</i> |
|-------------------------------------|---------------------|
| Brosur | |
| Akhbar | |
| Papan tanda | |
| Radio | |
| Internet | |
| Televisyen | |
| Cakera padat-video | |
| Panggung wayang | |
| Lain-lain (sila nyatakan) | |

(Nota:

Butir-butir yang berikut mestilah ditunjukkan dalam setiap iklan yang dicadangkan—

- (a) nombor lesen pemberi pinjam wang dan tempoh kesahannya;
- (b) nombor permit iklan dan tempoh kesahannya;
- (c) nama, alamat dan nombor telefon pemberi pinjam wang; dan
- (d) kadar faedah yang ditawarkan.

*Saya/Kami dengan ini mengaku sepanjang pengetahuan *saya/kami bahawa butir-butir di atas adalah benar. *Saya/Kami faham bahawa apa-apa pernyataan yang mengelirukan, representasi atau perihal palsu butir-butir di atas adalah suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003.

Tarikh:.....

.....
 (Tandatangan Pemohon#)

.....
 (Nama)

.....
 (No. K.P.)

.....
 (Jawatan)

.....
 (Meterai am syarikat, jika berkenaan)

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

Permohonan bagi pembaharuan diperiksa oleh:

.....
 Tandatangan/Jawatan

Tarikh:.....

.....
 (Nama)

Sokongan:.....
.....
.....
.....

.....
Tandatangan/Jawatan

Tarikh:.....
.....
(Nama)

Permohonan bagi pembaharuan permit iklan diluluskan/ditolak.

.....
(Pendaftar Pemberi Pinjam Wang)

Tarikh:.....
.....
(Nama)

*Potong yang tidak berkenaan.

Permohonan mestilah dibuat oleh pemohon dalam hal seorang individu, atau mana-mana pekongsi, pemegang jawatan atau lembaga pengarah dalam hal suatu firma, pertubuhan, kumpulan orang atau syarikat.

JADUAL I

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) 2003

(Subperaturan 7(7))

PEMBAHARUAN PERMIT IKLAN

Nama Pemberi Pinjam Wang.....

alamat berdaftar.....

dengan ini diberikan pembaharuan permit iklan bagi perniagaan meminjamkan wang di bawah subperaturan 7(7) Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 seperti yang dinyatakan di bawah:

Alamat perniagaan.....

Tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

| <i>Jenis iklan</i> | <i>Tarikh kelulusan</i> |
|--------------------|-------------------------|
| Brosur | |
| Akhbar | |
| Papan tanda | |
| Radio | |

| <i>Jenis iklan</i> | <i>Tarikh kelulusan</i> |
|---------------------------|-------------------------|
| Internet | |
| Televisyen | |
| Cakera padat-video | |
| Panggung wayang | |
| Lain-lain (sila nyatakan) | |

Syarat-syarat lain:

| <i>Butir-butir permit yang diperbaharui</i> | |
|---|---|
| No. permit: | <i>Pendaftar Pemberi Pinjam Wang</i> |
| Sah dari: | |
| hingga | Tarikh:..... |

* Potong yang tidak berkenaan.

JADUAL J

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) 2003

(Subperaturan 10(1))

PERJANJIAN PEMBERIAN PINJAMAN WANG (PINJAMAN TANPA CAGARAN)

SUATU PERJANJIAN diperbuat pada hari dan tahun yang dinyatakan dalam seksyen 1 Jadual Pertama kepada Perjanjian ini di antara pemberi pinjam wang yang dinyatakan dalam seksyen 2 Jadual Pertama ("Pemberi Pinjam") sebagai satu pihak dan peminjam yang dinyatakan dalam seksyen 3 Jadual Pertama ("Peminjam") sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA Pemberi Pinjam adalah seorang pemberi pinjam wang berlesen di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dengan ini bersetuju untuk meminjamkan kepada Peminjam dan Peminjam bersetuju untuk meminjam daripada Pemberi Pinjam bagi maksud Perjanjian ini suatu jumlah wang yang dinyatakan dalam seksyen 4 Jadual Pertama ("Jumlah Wang Pokok").

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti yang berikut:

Bayaran balik ansuran

1. Bayaran balik ansuran dalam Perjanjian ini hendaklah genap masa dan kena dibayar tanpa dituntut yang bayaran balik ansuran pertama hendaklah dibuat pada(tarikh bayaran balik yang pertama) dan selepas itu padasetiap dan tiap-tiap bulan yang berikutnya sehingga tamatbulan tersebut dari tarikh bayaran ansuran pertama tersebut.

Keingkaran

2. (1) Jika keingkaran dilakukan dalam bayaran balik pada tarikh genap akan mana-mana jumlah bayaran balik yang kena dibayar kepada Pemberi Pinjam di bawah Perjanjian ini, sama ada berkenaan dengan wang pokok atau faedah, maka Pemberi Pinjam adalah berhak untuk mengenakan faedah ringan ke atas jumlah wang ansuran yang tidak dibayar itu yang hendaklah dikira pada kadar lapan peratus setahun dari hari ke hari dari tarikh keingkaran bayaran balik jumlah wang ansuran itu

sehingga jumlah wang ansuran itu dijelaskan, dan apa-apa faedah yang dikenakan tidak boleh dikira bagi maksud Perjanjian ini sebagai sebahagian daripada faedah yang dikenakan berkenaan dengan pinjaman.

(2) Faedah hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

$$R = \frac{8}{100} \times \frac{D}{365} \times S$$

iaitu,

R mewakili jumlah wang faedah yang hendaklah dibayar.

D mewakili bilangan hari keingkar.

S mewakili jumlah wang ansuran bulanan yang genap tempoh.

Hak tindakan

3. (1) Jika Peminjam—

- (a) tidak membayar balik apa-apa jumlah wang ansuran yang kena dibayar atau apa-apa jumlah daripada wang ansuran itu dan apa-apa faedah yang kena dibayar di bawah seksyen 5 Jadual Pertama bagi mana-mana tempoh yang melebihi dua puluh lapan hari selepas tarikh genapnya; atau
- (b) melakukan perbuatan kebankrapan atau memasuki mana-mana komposisi atau perkiraan dengan pemiutangnya atau, sebagai syarikat, memasuki penyelesaian likuidasi, sama ada secara paksa atau sukarela,

maka Pemberi Pinjam boleh menamatkan Perjanjian ini.

(2) Apabila berlaku mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subklausula (1), Pemberi Pinjam hendaklah memberi Peminjam notis secara bertulis tidak kurang daripada empat belas hari supaya mengangapkan Perjanjian ini sebagai telah ditolak oleh Peminjam dan melainkan dalam sementara itu keingkar itu dibetulkan atau jumlah wang ansuran yang belum dibayar dan faedah itu dijelaskan, maka Perjanjian ini hendaklah apabila tamat tempoh notis tersebut, atas pilihan Pemberi Pinjam disifatkan sebagai terbatal.

(3) Sekiranya Perjanjian ini telah ditamatkan atau dibatalkan, maka Pemberi Pinjam boleh menuntut baki belum jelas daripada Peminjam mengikut peruntukan di bawah Perintah 45 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1990 [*P.U. (A) 97/1990*] jika baki belum jelas itu tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit atau Perintah 79 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 [*P.U. (A) 50/1980*] jika baki belum jelas itu lebih tinggi daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit.

Pematuhan undang-undang bertulis

4. Pemberi Pinjam hendaklah, berkenaan dengan perniagaan meminjamkan wang, mematuhi peruntukan dan kehendak Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa ini berkuat kuasa yang menyentuh perniagaan itu.

Duti setem dan fi pengakusaksian

5. Semua duti setem dan fi pengakusaksian yang dilakukan berkaitan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh Peminjam.

Penyampaian dokumen

6. (1) Apa-apa notis, permintaan atau tuntutan yang dikehendaki disampaikan oleh mana-mana pihak kepada pihak yang satu lagi dalam Perjanjian ini hendaklah secara bertulis dan hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang mencukupi—

(a) jika ia dihantar oleh pihak itu atau peguam caranya melalui pos A.R berdaftar yang dialamatkan ke alamat pihak yang satu lagi seperti yang tersebut terdahulu daripada ini dan dalam hal yang sedemikian ia hendaklah disifatkan sebagai telah diterima apabila tamatnya tempoh lima hari dari pengeposan surat berdaftar sedemikian; atau

(b) jika ia diberikan oleh pihak itu atau peguam caranya dengan tangan kepada pihak yang satu lagi atau peguam caranya.

(2) Apa-apa pertukaran mengenai alamat oleh mana-mana pihak hendaklah dimaklumkan kepada pihak yang satu lagi.

Jadual

7. Jadual kepada Perjanjian ini hendaklah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini dan hendaklah dibaca, diambil dan diertikan sebagai suatu bahagian yang perlu dalam Perjanjian ini.

Masa merupakan pati perjanjian

8. Masa hendaklah menjadi intipati Perjanjian ini yang berhubungan dengan segala peruntukan dalam Perjanjian ini.

Orang-orang yang terikat kepada Perjanjian

9. Perjanjian ini hendaklah mengikat pengganti dalam hakmilik dan penerima serah hak yang dibenarkan kepada Pemberi Pinjam, waris, wakil peribadi, pengganti dalam hakmilik dan penerima serah hak yang dibenarkan kepada Peminjam.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan mereka pada hari dan tahun mula-mula bertulis di atas.

DITANDATANGANI oleh Peminjam)
yang bernama di atas)
Nama:)
No. K.P./Pendaftaran Syarikat:)

DITANDATANGANI oleh)
Pemberi Pinjam yang bernama di atas)
Nama:)
No. K.P./Pendaftaran Syarikat:)

Saya, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa saya telah menerangkan terma-terma Perjanjian ini kepada Peminjam dan saya mendapati bahawa Peminjam telah memahami sifat dan akibat Perjanjian ini.

.....
(Nama pengakusaksi)
(Peguam bela dan Peguam cara, pegawai Perkhidmatan
Kehakiman dan Perundangan, Pesuruhjaya Sumpah,
Pegawai Daerah, Jaksa Pendamai atau orang yang
dilantik oleh Menteri)

JADUAL PERTAMA

(yang hendaklah dibaca dan diertikan sebagai
suatu bahagian penting Perjanjian ini)

| <i>No. Seksyen</i> | <i>Perkara</i> | <i>Butir-butir</i> |
|------------------------|---|--|
| 1. | Hari dan tahun Perjanjian ini | |
| 2. | Nama, No. K.P., No. Pendaftaran Syarikat, No. Lesen dan alamat Pemberi Pinjam | |
| 3. | Nama, No. K.P., No. Pendaftaran Syarikat dan alamat Peminjam | |
| 4. | Jumlah Wang Pokok | ringgit (RM.....) |
| 5. | Kadar faedah | Kadar faedah adalah peratus (..... %) setahun |
| 6. | Jumlah wang setiap bayaran balik ansuran | |
| 7. | Jumlah wang bagi bayaran balik ansuran | |

JADUAL K

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) 2003

(Subperaturan 10(1))

PERJANJIAN PEMBERIAN PINJAMAN WANG (PINJAMAN BERCAGAR)

SUATU PERJANJIAN diperbuat pada hari dan tahun yang dinyatakan dalam seksyen 1 Jadual Pertama kepada Perjanjian ini di antara pemberi pinjam wang yang dinyatakan dalam seksyen 2 Jadual Pertama ("Pemberi Pinjam") sebagai satu pihak dan peminjam yang dinyatakan dalam seksyen 3 Jadual Pertama ("Peminjam") sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA Pemberi Pinjam adalah seorang pemberi pinjam wang berlesen di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dengan ini bersetuju untuk meminjamkan kepada Peminjam dan Peminjam bersetuju untuk meminjam daripada Pemberi Pinjam bagi maksud Perjanjian ini suatu jumlah wang yang dinyatakan dalam seksyen 4 Jadual Pertama ("Jumlah Wang Pokok").

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti yang berikut:

Bayaran balik ansuran

1. Bayaran balik ansuran dalam Perjanjian ini hendaklah genap masa dan kena dibayar tanpa dituntut yang bayaran balik ansuran pertama hendaklah dibuat pada (tarikh bayaran balik yang pertama) dan selepas itu pada setiap dan tiap-tiap bulan yang berikutnya sehingga tamat bulan tersebut dari tarikh bayaran ansuran pertama tersebut.

Keingkaran

2. (1) Jika keingkaran dilakukan dalam bayaran balik pada tarikh genap akan mana-mana jumlah bayaran balik yang kena dibayar kepada Pemberi Pinjam di bawah Perjanjian ini, sama ada berkenaan dengan wang pokok atau faedah, maka Pemberi Pinjam adalah berhak untuk mengenakan faedah ringan ke atas jumlah wang ansuran yang tidak dibayar itu yang hendaklah dikira pada kadar lapan peratus setahun dari hari ke hari dari tarikh keingkaran bayaran balik jumlah wang ansuran itu sehingga jumlah wang ansuran itu dijelaskan, dan apa-apa faedah yang dikenakan tidak boleh dikira bagi maksud Perjanjian ini sebagai sebahagian daripada faedah yang dikenakan berkenaan dengan pinjaman.

(2) Faedah hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

$$R = \frac{8}{100} \times \frac{D}{365} \times S$$

iaitu,

R mewakili jumlah wang faedah yang hendaklah dibayar.

D mewakili bilangan hari keingkaran.

S mewakili jumlah wang ansuran bulanan yang genap tempoh.

Cagaran

3. Sebagai balasan bagi Perjanjian ini Peminjam bersetuju untuk menyerahkan kepada Pemberi Pinjam cagaran yang dinyatakan dalam seksyen 11 Jadual Pertama ("Cagaran") dan Cagaran itu hendaklah bagi sepanjang tempoh bayaran balik.

Tanggungjawab Pemberi Pinjam berkenaan dengan Cagaran

4. (1) Pemberi Pinjam hendaklah melakukan pemeliharaan dan usaha yang sama bagi menjaga Cagaran dalam jagaannya sebagaimana seorang pemunya berhemat akan lakukan dalam menjaga hartanya sendiri.

(2) Pemberi Pinjam adalah bertanggungjawab bagi kehilangan apa-apa Cagaran, sama ada kehilangan itu disebabkan oleh kebakaran, kecurian, kecuaiian atau selainnya dan adalah juga bertanggungjawab bagi kerosakan Cagaran itu yang disebabkan oleh kebakaran, kecurian, kecuaiian atau selainnya.

(3) Jika mana-mana Cagaran yang musnah atau rosak disebabkan oleh kebakaran, maka nilai Cagaran itu hendaklah, bagi maksud pampasan kepada Peminjam, dianggap sebagai satu perempat lebih daripada nilai Cagaran yang diserahkan itu.

(4) Pemberi Pinjam tidak boleh membebankan Cagaran itu bagi apa jua tujuan.

Hak tindakan

5. (1) Jika Peminjam—

(a) tidak membayar balik mana-mana jumlah wang ansuran yang kena dibayar atau mana-mana jumlah daripada wang ansuran itu dan mana-mana faedah yang kena dibayar yang dinyatakan dalam seksyen 5 Jadual Pertama bagi apa-apa tempoh yang melebihi dua puluh lapan hari selepas tarikh genapnya; atau

(b) melakukan perbuatan kebangkrapan atau memasuki mana-mana komposisi atau perkiraan dengan pemiutangnya atau, sebagai syarikat, memasuki penyelesaian likuidasi, sama ada secara paksa atau sukarela,

maka Pemberi Pinjam boleh menamatkan Perjanjian ini.

(2) Apabila berlakunya mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subfasal (1), Pemberi Pinjam hendaklah memberi Peminjam notis bertulis tidak kurang daripada empat belas hari supaya menganggapkan Perjanjian ini sebagai telah ditolak oleh Peminjam dan melainkan dalam sementara itu keingkarannya itu dibetulkan atau jumlah wang ansuran yang belum dibayar dan faedah itu dijelaskan, maka Perjanjian ini hendaklah apabila tamat tempoh notis tersebut, atas pilihan Pemberi Pinjam disifatkan sebagai terbatal.

(3) Sekiranya Perjanjian ini telah ditamatkan atau dibatalkan, maka Pemberi Pinjam hendaklah menuntut baki belum jelas daripada Peminjam mengikut peruntukan di bawah Perintah 45 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1990 [P.U. (A) 97/1990] jika baki belum jelas itu tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit atau Perintah 79 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 [P.U. (A) 50/1980] jika baki belum jelas itu lebih tinggi daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit.

(4) Walau apa pun subfasal (3) di dalam ini, Pemberi Pinjam berhak untuk memperlakukan Cagaran itu bagi maksud menuntut baki belum jelas daripada Peminjam seperti yang berikut:

- (a) jika Cagaran itu adalah harta tak alih, maka harta itu hendaklah diperlakukan seperti yang diperuntukkan di bawah Perintah 83 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980; atau
- (b) jika Cagaran itu adalah harta alih, maka Pemberi Pinjam adalah bebas untuk melupuskan Cagaran itu melalui lelongan yang dikendalikan oleh pelelong berlesen.

(5) Pemberi Pinjam boleh menawar atau membeli Cagaran yang diserahkan simpan kepadanya di lelongan itu dan atas pembelian itu dia hendaklah disifatkan sebagai pemilik yang sah Cagaran itu.

(6) Jika Cagaran itu dilelong, Pemberi Pinjam hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas lelongan itu, mengemukakan kepada Peminjam suatu notis yang menyatakan butir-butir lelongan itu termasuklah hasil jualan Cagaran itu.

(7) Pemberi Pinjam hendaklah, dalam masa tiga puluh hari selepas lelongan itu, membayar lebihan daripada hasil jualan Cagaran itu, jika ada, kepada Peminjam.

(8) Jika Pemberi Pinjam gagal mematuhi subfasal (7), Pemberi Pinjam adalah bertanggungjawab membayar jumlah wang lebihan itu kepada Peminjam berserta dengan ganti rugi jumlah tertentu yang dikira dari hari ke hari pada kadar lapan peratus setahun daripada jumlah wang lebihan itu dari tamatnya tempoh tiga puluh hari selepas lelongan itu sehingga tarikh Pemberi Pinjam membayar jumlah wang lebihan itu.

(9) Bagi mengelakkan kekeliruan, apa-apa kausa tindakan untuk menuntut ganti rugi jumlah tertentu yang dinyatakan dalam subfasal (8) hendaklah terakru pada tarikh tamatnya tempoh tiga puluh hari selepas lelongan itu.

Pematuhan undang-undang bertulis

6. Pemberi Pinjam hendaklah, berkenaan dengan perniagaan meminjamkan wang, mematuhi peruntukan dan kehendak Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa ini berkuat kuasa yang menyentuh perniagaan itu.

Duti setem dan fi pengakusaksian

7. Semua duti setem dan fi pengakusaksian yang dilakukan berkaitan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh Peminjam.

Penyampaian dokumen

8. (1) Apa-apa notis, permintaan atau tuntutan yang dikehendaki disampaikan oleh mana-mana pihak kepada pihak yang satu lagi dalam Perjanjian ini hendaklah secara bertulis dan hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang mencukupi—

- (a) jika ia dihantar oleh pihak itu atau peguam caranya melalui pos A.R. berdaftar yang dialamatkan ke alamat pihak yang satu lagi seperti yang tersebut terdahulu daripada

ini dan dalam hal yang sedemikian ia hendaklah disifatkan sebagai telah diterima apabila tamatnya tempoh lima hari dari pengeposan surat berdaftar demikian; atau

(b) jika ia diberikan oleh pihak itu atau peguam caranya dengan tangan kepada pihak yang satu lagi atau peguam caranya.

(2) Apa-apa perubahan mengenai alamat oleh mana-mana pihak hendaklah dimaklumkan kepada pihak yang satu lagi.

Jadual

9. Jadual kepada Perjanjian ini hendaklah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini dan hendaklah dibaca, diambil dan diertikan sebagai suatu bahagian yang perlu dalam Perjanjian ini.

Masa merupakan pati perjanjian

10. Masa hendaklah menjadi pati Perjanjian ini berhubungan dengan segala peruntukan dalam Perjanjian ini.

Tafsiran

11. Dalam Perjanjian ini jika konteksnya menghendaki sedemikian—

“Cagaran” tidaklah termasuk suatu kad kredit, kad caj, kad mesin juruwang automatik, sijil kelahiran, kad pengenalan atau surat pajak gadai.

Orang yang terikat kepada Perjanjian

12. Perjanjian ini hendaklah mengikat pengganti dalam hakmilik dan penerima serah hak yang dibenarkan kepada Pemberi Pinjam, waris, wakil peribadi, pengganti dalam hakmilik dan penerima serah hak yang dibenarkan kepada Peminjam.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan mereka pada hari dan tahun mula-mula bertulis di atas.

DITANDATANGANI oleh Peminjam)
yang bernama di atas)
Nama:)
No. K.P./No. Pendaftaran Syarikat:)

DITANDATANGANI oleh)
Pemberi Pinjam yang bernama di atas)
Nama:)
No. K.P./No. Pendaftaran Syarikat:)

Saya, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa saya telah menerangkan terma-terma Perjanjian ini kepada Peminjam dan saya mendapati bahawa Peminjam telah memahami sifat dan akibat Perjanjian ini.

.....
(Nama pengakusaksi)
(Peguam bela dan Peguam cara, pegawai Perkhidmatan
Kehakiman dan Perundangan, Pesuruhjaya Sumpah,
Pegawai Daerah, Jaksa Pendamai atau orang yang
dilantik oleh Menteri)

JADUAL PERTAMA

(yang hendaklah dibaca dan diertikan sebagai
bahagian penting Perjanjian ini)

| <i>No. Seksyen</i> | <i>Perkara</i> | <i>Butir-butir</i> |
|------------------------|---|--|
| 1. | Hari dan tahun Perjanjian ini | |
| 2. | Nama, No. K.P., No. Pendaftaran Syarikat, No. Lesen dan alamat Pemberi Pinjam | |
| 3. | Nama, No. K.P., No. Pendaftaran Syarikat dan alamat Peminjam | |
| 4. | Jumlah Wang Pokok | ringgit (RM.....) |
| 5. | Kadar faedah | Kadar faedah adalah peratus (.....%) setahun |
| 6. | Tempoh bayaran balik | bulan dari tarikh pembayaran Jumlah Wang Pokok |
| 7. | Bilangan bayaran balik ansuran | |
| 8. | Jumlah wang bagi setiap bayaran balik ansuran | |
| 9. | Cara bayaran balik | Bayaran balik yang pertama bermula pada hari ke bulan yang berikutnya selepas tarikh pembayaran Jumlah Wang Pokok |
| 10. | Jumlah wang ansuran bayaran balik terakhir | |
| 11. | Butir-butir Cagaran | |
| 12. | Nilai Cagaran | ringgit (RM.....) |

JADUAL L
AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951
PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) 2003
(Peraturan 19)

FI BAGI CARIAN DOKUMEN

| <i>No.</i> | <i>Dokumen/butir-butir</i> | <i>Fi dalam RM</i> |
|------------|---|--------------------|
| 1 | Senarai Pemberi Pinjam wang | 4.00 |
| 2 | Butir-butir seseorang pemberi pinjam wang | 4.00 |

Dibuat 9 Oktober 2003
[KPKT(S) 01/861/3 Jld. V; PN(PU²)154/XIII]

DATO' SERI ONG KA TING
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA